

1981

KUALA LUMPUR, 27 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENANG TANPA BERTANDING SEBAGAI PRESIDEN BARU UMNO SWMALAM DIJANGKA TIDAK AKAN MEMBUAT ROMBAKAN BESAR KABINET APABILA BELIAU MENGAMBIL ALIH JAWATAN PERDANA MENTERI DARI DATUK HUSSEIN ONN SEDIKIT MASA LAGI.

BELIAU MEMBAYANGKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SEBAIK SAHAJA PENGUNDIAN UNTUK KERUSI BIASA MAJLIS TERTINGGI UMNO SELESAI DIJALANKAN DI HARI KEDUA PERHIMPUNAN AGUNG KE 32 PARTI ITU DI SINI HARI INI.

KATANYA, CALON-CALON YANG KALAH DALAM PEMILIHAN SEMALAM TERMASUK CALON UNTUK JAWATAN NAIB-PRESIDEN +TIDAK BERMAKNA MEREKA ITU TIDAK LAYAK UNTUK TERUS BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN ATAU PARTI+.

KALAH MENANG ADALAH PERKARA BIASA DALAM SEBARANG PERTANDINGAN, LEBIH-LEBIH LAGI DALAM PERTANDINGAN UNTUK MEREbut JAWATAN-JAWATAN DALAM PARTI YANG PARA PERWAKILAN TERPAKSA MEMBUAT PILIHAN TERHAD.

DITANYA BILA BELIAU AKAN MEMBENTUK KABINET BARUNYA, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA ITU TERPULANG KEPADA BILA DATUK HUSSEIN AKAN MENARIK DIRI. —BERSAMBUNG 1331/MD

MAHATHIR-KABINET 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, TUGAS UTAMA YANG TERPAKSA DIHADAPINYA SEKARANG IALAH UNTUK MENSESUAIKAN DIRINYA DENGAN KEWAJIPAN SERTA TANGGUNGJAWAB PRESIDEN PARTI YANG BARU DIMENANGINYA ITU.

+SAYA TIDAK PERNAH MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI, WALAUPUN SAYA TELAH BEBERAPA KALI MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KABINET+ JELASNYA.

DITANYA TENTANG KEDUDUKAN TENGKU RAZALEIGH HAMZAH YANG DITEWASKAN OLEH DATUK MUSA HITAM UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN BELIAU TIDAK FIKIR TENGKU RAZALEIGH AKAN MENINGALKAN KERAJAAN ATAU PARTI.

+SAYA FIKIR TENTU BELIAU MENYEDARI KEPENTINGAN PARTI DAN SENTIASA MEMENTINGKAN TANGGUNGJAWABNYA KEPADA PARTI. KITA SEMUA BEKERJA UNTUK PARTI BUKAN UNTUK DIRI KITA SENDIRI+, KATANYA.

MENGENAI KEMUNGKINAN PAS AKAN BERTAPAK SEMULA BERIKUTAN DENGAN KEKALAHAN ORANG YANG DIKATAKAN SEBAGAI PENGHALANG TERHADAP KEMUNCULAN SEMULA PARTI DI KELANTAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK FIKIR PERKARA ITU BOLEH BERLAKU. —BERSAMBUNG 1400/A1

B540:
MAHATHIR - KABINET 3 KUALA LUMPUR

KATANYA RAMALAN-RAMALAN SEUMPAMA ITU DIBUAT DALAM MASA KEMPEN JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN BARU-BARU INI.

+INI PERKARA BIASA DALAM MANA-MANA KEMPEN. CALON-CALON TERPAKSA MENIMBULKAN SESUATU UNTUK BERKEMPEN. SAYA TIDAK FIKIR PERKARA-PERKARA YANG DITIMBULKAN ITU MERUPAKAN SATU KENYATAAN+, JELAS BELIAU. —BERNAMA 1402/A1

FASMAH
FM